



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 28 JUN 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6.	KPKM HASRAT PATENKAN MUSANG KING, NASIONAL, SH -6 PESAWAH DINASIHT SERTA SKIM TAKAFUL TANAMAN PADI, NASIONAL, BH -20 PATEN DURIAN MUSANG KING, NEGARA, KOSMO -7 CHINA BENARKAN EKSPORT DURIAN SEGAR, NEGARA, KOSMO -13 LEBIH BANYAK MANFAAT JIKA CARUM SKIM TAKAFUL TANAMAN PADI, ASTRO AWANI -ONLINE RM70 JUTA LAKSANA PROJEK AGRO DI JOHOR, KOSMO -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
7.	FAMA FEST PACU PERTUMBUHAN EKONOMI, NASIONAL, SH -23	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
8.	LONJAK INDUSTRI NANAS NEGARA, LOKAL, HM -9	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
9. 10. 11. 12. 13.	RAIH JUALAN RM40,000 DALAM TIGA HARI, NEGARA, KOSMO -13 'KING OF FRUITS' REIGNS SUPREME, NATION, THE STAR -3 3,000 PESAWAH RUGI MOHON BANTUAN, LOKAL, HM -16 USAHAWAN MUDA, MUKA DEPAN, UM -1 PERTANIAN BANDAR ISI MASA LAPANG, GAYA TANI, UM -26	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/6/2024	SINAR HARIAN	NASIONAL	6

KPKM hasrat patenkan musang king

Klon durian dari Malaysia itu amat popular di luar negara

Oleh NURUL HIDAYAH HAMID
ALOR SETAR

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) berhasrat mempatenkan musang king di peringkat antarabangsa sebagai buah-buahan tempatan dari Malaysia.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, Jabatan Pertanian dan Perniagaan Antarabangsa kementerian akan berusaha mencari jalan bagi merealisasikan cadangan tersebut.

Menurutnya, musang king perlu dipatenkan memandangkan klon durian berasal dari Malaysia itu amat popular di luar negara.

"Memang kena paten kerana musang king ini dari Malaysia. Itu yang kita harapkan sebab musang king ini begitu popular di mana-mana khususnya di China."

"Eksport durian sekarang menerusi perniagaan ke perniagaan (B2B), pihak kita mengawal kualiti supaya durian yang dihantar dalam keadaan segar," katanya.

Mohamad berkata demikian selepas merasmikan MADA Day 2024 di Ibu Pejabat Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) Ampang Jajar di sini pada Khamis.

Tambah beliau, pihaknya akan memastikan kualiti durian terpelihara termasuklah membawa buah-buahan tersebut ke luar negara seperti China menggunakan kapal terbang.

"Jadi, dalam masa tiga atau empat jam sudah sampai China," katanya.

Pada Khamis, media melaporkan Mohamad menyarankan semua pengusaha durian tempatan khususnya



Mohamad (dua dari kanan) menyampaikan Bantuan Wang Ihsan kepada sebahagian wakil petani pada Majlis Penyampaian Bantuan Wang Ihsan Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) sempena MADA Day 2024 di Ibu Pejabat MADA pada Khamis.

golongan bumiputera memulakan penanaman buah berkenaan dalam skala besar bagi membolehkan ia dipasarkan ke China antara lima hingga enam tahun lagi.

Jelasnya, usaha itu perlu dimulakan dari sekarang susulan pemeteraian Protokol Keperluan Fitosanitari Pengeksportan Buah Durian Segar dari Malaysia ke China.

Beliau berkata, kejayaan pemeteraian antara kedua-dua negara perlu dimanfaatkan kerana aktiviti pengeksportan durian merupakan perniagaan bernilai tinggi dan membantu meningkatkan pendapatan pengusaha tempatan.

Dalam pada itu, Mohamad berkata, KPKM memperuntukkan RM3.28 juta kepada peladang-peladang MADA yang terkesan akibat banjir di Kawasan Muda tahun lepas.

"Peruntukan menerusi Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) itu diluluskan untuk 2,546 peladang yang terjejas bagi meringankan beban yang ditanggung pesawah MADA dan

memberikan suntikan modal bagi aktiviti penanaman padi musim 1/2024 yang telah bermula pada 17 April lalu," katanya.

Bencana banjir yang melanda pada Ogos dan September 2023 itu mengakibatkan kawasan sawah seluas 3,276.4 hektar mengalami kerosakan.

Sementara itu, Mohamad berkata, Skim Takaful Tanaman Padi (STTP) sedang diperhalusi di peringkat Bank Negara menerusi Bank Pertanian Malaysia (Agro Bank) sebelum pelaksanaannya diperkenalkan kepada petani tidak lama lagi.

"Kita harap semua petani dapat diinsuranskan menerusi skim ini nanti. Sebelum ini melalui Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP), proses pampasan mengambil masa lama."

"Proses pampasan menerusi STTP pula akan lebih cepat kerana semuanya telah ada dalam sistem. Caruman yang akan dikenakan nanti tidaklah besar tetapi petani akan lebih terjamin," katanya.

Pesawah dinasihati sertai Skim Takaful Tanaman Padi

Alor Setar: Pesawah di seluruh negara diminta mencarum Skim Takaful Tanaman Padi (STTP) sebagai persediaan berhadapan bencana termasuk kemarau panjang yang dijangka menjejaskan hasil pertanian.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata skim yang dijangka dilancarkan dalam tempoh terdekat bakal memberi perlindungan insurans kepada kawasan pertanian yang terjejas akibat bencana.

Jelasnya, pesawah yang berhadapan masalah itu bakal menerima pampasan bagi kerugian sekiranya padi mereka rosak akibat banjir besar atau kemarau panjang yang mungkin berlaku pada musim akan datang.

"Ketika ini, STTP dalam peringkat akhir perbincangan antara Agro Bank dan Bank Negara, jika Bank Negara meluluskan, kita akan laksanakan skim ini di mana kebajikan petani terjamin apabila berlaku bencana.

"Tahun lalu apabila berlaku bencana, kita terpaksa proses bantuan kepada pesawah secara manual dan bantuan hanya dapat diserahkan tahun ini.

"Melalui, STTP bantuan dijangka dapat disampaikan lebih cepat," katanya pada sidang media.



Mohamad menyampaikan Bantuan Wang Ihsan Tabung Bencana Tanaman Padi kepada wakil pesawah di Alor Setar, semalam. (Foto BERNAMA)

Terdahulu, beliau hadir pada Majlis Bantuan Wang Ihsan Tabung Bencana Tanaman Padi sempena Hari Lembaga Kema-juan Pertanian Muda (MADA) yang diadakan di Ibu Pejabat MADA, di sini, semalam.

Mohamad berkata, STTP berfungsi dalam talian dan pesawah boleh mendaftar di mana-mana cawangan Agro Bank.

Katanya, skim ini juga antara persediaan kerajaan berhadapan isu perubahan cuaca luar jangka bagi memastikan pesawah tidak

mengalami kerugian besar sehingga menjejaskan kehidupan harian.

"Pesawah kena mencarum melalui bank, jumlahnya tidak banyak tetapi manfaatnya besar.

"Kita minta semua pesawah mendaftar dan mereka kena ada akaun Agro Bank bagi memudahkan bantuan disalurkan.

"Ini boleh menjadi persediaan ketika bencana berlaku tanpa kira masa, misalnya kemarau panjang dan hujan terlalu lama boleh jadi banjir," katanya.

Raja buah itu perlu diiktiraf di peringkat dunia sebagai produk pertanian Malaysia

Paten durian musang king

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

ALOR SETAR – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bercadang untuk patenkan durian musang king di peringkat antarabangsa supaya ia diiktiraf dan dikenali sebagai produk pertanian Malaysia.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, usaha itu perlu memandangkan musang king sangat popular di luar negara terutama di China.

"Jabatan Pertanian serta Bahagian Antarabangsa (KPKM) akan cuba mencari jalan (mematenkan musang king). Memang kena paten kerana musang king ini dari Malaysia.

"Itu yang kita harapkan sebab musang king ini begitu popular di mana-mana, khasnya di China," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan MADA Day di Ibu Pejabat Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di sini semalam.

Sementara itu, kata Mohamad, pihaknya bertanggungjawab



MOHAMAD (dua kiri) menyampalkan replika cek Anugerah Peladang kepada peladang MADA pada Majlis Penyampalan Wang Ihsan Tabung Bencana Tanaman Padi di Ibu Pejabat MADA di Alor Setar semalam.

mengawal kualiti durian yang akan dieksport ke luar negara termasuk menerusi Skim Pensijilan Amalan Pertanian Baik Malaysia (MyGAP).

"Eksport durian sekarang menerusi perniagaan ke perniagaan (B2B), pihak kita mengawal kualiti supaya durian yang dihandar dalam keadaan segar. Sebab

durian itu sekarang akan dibawa dengan kapal terbang, ertinya dalam masa tiga atau empat jam sudah sampai China," ujarnya.

Akhbar sebelum ini melaporkan

kan Malaysia memperoleh akses pasaran eksport baharu bagi buah durian segar dari Malaysia ke China, sekali gus mengembangkan industri tanaman durian tempatan serta meningkatkan nilai eksport agromakanan ke luar negara.

Mohamad berkata, kerjasama itu dicapai melalui pemeteraian Protokol Keperluan Fitosanitari Pengeksportan Buah Durian Segar dari Malaysia ke negara tersebut ketika rangka lawatan rasmi Perdana Menteri China, Li Qiang ke negara ini.

Sebelum ini, Malaysia diberikan akses pasaran eksport ke China bagi durian dalam bentuk ulas dan pes pada tahun 2011 dan buah durian sejuk beku dalam bentuk biji pada tahun 2018.

Pada tahun lalu, eksport durian Malaysia ke seluruh dunia mencatatkan nilai sebanyak RM1.14 bilion dan secara keseluruhan, durian merupakan penyumbang utama (58.6 peratus) kepada nilai eksport buah-buahan negara yang bernilai RM2.01 bilion.

Bukti rakyat tidak berkira untuk beli durian termasuk musang king, duri hitam

Raih jualan RM40,000 dalam tiga hari

Oleh KAMALIZA KAMARUDDIN

KUALA TERENGGANU – Seorang peniaga durian di bandar raya ini mampu meraih jualan lebih RM40,000 dalam tempoh tiga hari apabila gerialnya di Kampung Kedai Buluh, di sini diserbu penggemar raja buah itu.

Mohd. Sufian Saleh, 34, berkata, sepanjang tempoh tiga hari tersebut, lebih tiga tan durian kampung dan premium yang dijualnya laris bagaikan pisang goreng panas.

Menurutnya, walaupun keadaan ekonomi negara belum stabil, sambutan terhadap durian termasuk jenis 'kayangan' tidak terjejas, sekali gus membuktikan rakyat tidak berkira untuk berbelanja asalkan durian yang dibeli mereka berkualiti tinggi.

"Tidak menang tangan saya melayan pelanggan yang tidak putus-putus mengunjungi gerai yang mula dibuka sejak awal minggu ini.

"Kebanyakan pelanggan mencari durian premium seperti musang king dan duri hitam selain



MOHD. SUFIAN (dua dari kiri) melayan pelanggan memilih durian di gerialnya di Kampung Kedai Buluh, Kuala Terengganu semalam.

KERATAN
KOSMO!
semalam.

durian kampung," katanya ketika ditemui di gerialnya di Kampung Kedai Buluh, di sini semalam.

Menurutnya, durian musang king dan duri hitam dijual pada harga sehingga RM60 sekilogram, manakala durian kampung gred A pula dijual pada harga RM13 sekilogram.

Katanya, dia mengambil bekalan durian dari Lenggong, Perak memandangkan musim raja buah masih belum tiba di Terengganu.

"Peringkat awal ini saya bawa lima tan durian pelbagai gred dan jenis. Alhamdulillah sudah habis tiga tan dalam tempoh tiga hari sahaja," ujarnya.

Kosmo! semalam melaporkan, peniaga-peniaga durian kini tidak menang tangan apabila gerai mereka diserbu ramai penggemar raja buah itu setiap hari.

Ramai penggemar durian sanggup menunggu lebih awal sebelum gerai dibuka untuk membeli pelbagai jenis durian kerana bimbang kehabisan bekalan terutama durian 'kayangan' seperti musang king.

China benarkan eksport durian segar

PONTIAN – China membenarkan buah durian segar dari Malaysia dipasarkan di negara itu bermula tahun ini berbanding sebelum ini hanya durian sejuk beku yang boleh dieksport.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Arthur Joseph Kurup berkata, kelulusan itu merupakan hasil lawatan Perdana Menteri China, Ling Qiang ke Malaysia baru-baru ini.

Menurutnya, kebenaran untuk mengeksport buah durian

segar antara 19 perjanjian persefahaman yang ditandatangani di antara kedua-dua negara semasa lawatan Ling Qiang pada 18 hingga 20 Jun lalu.

"Eksport pertama buah durian segar dijangka pada September atau Oktober tahun ini setelah beberapa berkaitan diperincikan termasuk memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh negara China.

"Tentunya setiap negara termasuk China mempunyai garis panduan berkaitan pengekspor-

tan makanan terutama soal keselamatan dan kebersihan sebelum dibenarkan dibawa masuk," katanya selepas menghadiri sesi libat urus bersama Peladang, Penternak dan Nelayan Johor do Peladang Outlet Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Benut, di sini semalam.

Tambahnya, langkah itu akan membuka peluang kepada pengusaha atau pekebun durian di negara ini untuk memasarkan buah-buah mereka ke negara China.



JOSEPH KURUP (tengah) mendengar taklimat mengenai aktiviti perusahaan cendawan sempena sesi libat urus bersama peladang, penternak dan nelayan di Benut, Pontian semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/6/2024	ASTRO AWANI	ONLINE	

Lebih banyak manfaat jika carum Skim Takaful Tanaman Padi

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan menyarankan lebih ramai pesawah padi membuat caruman di bawah Skim Takaful Tanaman Padi (STTP).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/6/2024	KOSMO	ONLINE	

RM70 juta laksana projek agro di Johor



Joseph Kurup (empat kiri) menyerahkan replika cek berjumlah RM19.2 juta kepada Onn Hafiz Ghazi di Iskandar Puteri, Johor, hari ini.

JOHOR BAHRU – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memperuntukan RM70.12 juta kepada negeri ini untuk pelaksanaan pelbagai projek pembangunan berasaskan agro sepanjang tahun ini.

Timbalan Menteri KPKM, Datuk Arthur Joseph Kurup berkata, projek itu melibatkan sektor ternakan, tanaman, akuakultur dan pemerkasaan industri nenas, pemerkasaan pemasaran and aktiviti eksport hasil pertanian serta pembangunan usahawan agro.

Menurut beliau, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Johor bernilai RM142.1 bilion iaitu menyumbang sebanyak 9.4 peratus kepada KDNK nasional.

“Sektor pertanian merupakan penyumbang ketiga tertinggi iaitu 12.2 peratus kepada KDNK Johor dengan nilai RM17.3 bilion, meningkat daripada RM17.0 bilion pada tahun sebelumnya.

“Ini sekali gus menjadikan Johor sebagai penyumbang terbesar kepada sektor pertanian di Malaysia iaitu sebanyak 17.5.

“Sehubungan itu, KPKM komited mengadakan kerjasama dengan negeri ini bagi menyokong inisiatif Keterjaminan Makanan adalah Tanggungjawab Bersama,” katanya selepas mengadakan pertemuan dengan Menteri Besar, Datuk Onn Hafiz Ghazi, di sini hari ini. – KOSMO! ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/6/2024	SINAR HARIAN	NASIONAL	23

FAMA Fest pacu pertumbuhan ekonomi

Ketua Pengarah FAMA, Abdul Rashid Bahri (dua dari kiri) menyantuni seorang pengunjung membeli sayur-sayuran menerusi mesin layan diri yang disediakan di tapak FAMA Fest 2024 @ Negeri Sembilan.



Sasar nilai jualan RM7.3 juta, penjimatan hingga 30 peratus

Oleh NORSHAHZURA MAT ZUKI SHAH ALAM

Inisiatif Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) melancarkan program 'Fruit, Flower & Food Fiesta' (FAMA Fest) telah memacu pertumbuhan ekonomi tempatan dengan meningkatkan pendapatan usahawan.

Mula dilaksanakan sejak 2017, FAMA Fest telah memberikan manfaat kepada pelbagai pihak, khususnya rakyat yang menikmati penjimatan harga sebanyak lima hingga 30 peratus barangan keperluan.

"Program ini telah membantu dalam pemulihan ekonomi setempat dan memberikan impak yang besar menerusi program padanan perniagaan melibatkan ejen-ejen antarabangsa serta tempatan.

"Menerusi padanan dan pengaturan perniagaan, ia membuka peluang kepada usahawan tempatan memasarkan produk mereka ke pasaran yang lebih besar," kata FAMA dalam satu kenyataan.

Pada masa sama, FAMA Fest juga menjadi medan kepada komuniti tempatan bekerjasama mempromosi dan menyokong produk-produk tempatan, sekali gus mencipta identiti unik di kawasan masing-masing.

Berdasarkan sambutan yang positif sejak tujuh tahun penganjurannya, FAMA Fest memperlihatkan kesedaran objektifnya yang dirangka khusus untuk mempromosikan produk agro-

makanan dan industri asas tani tempatan.

"Ia juga mewujudkan rangkaian pemasaran produk agromakanan, sekali gus memberikan manfaat dengan meningkatkan hasil pendapatan golongan sasaran melibatkan usahawan, petani, penternak, peruncit, pemborong dan pengeksport," jelas FAMA lagi.

Kluster dan peluasan program

Meningkatkan prospek dan potensi jualan, FAMA Fest 2024 menampilkan tujuh kluster program yang merangkumi Jualan Agro MADANI (JAM), Industri Makanan Asas Tani (IMAT), Kebuniti dan MyGAP, Coffee Corner (Kopiesatu), Florikultur, Empayar Makanan dan Food Truck.

JAM melibatkan aktiviti jualan produk jualan buah-buahan, sayur-sayuran telur dan Kombo Madani, manakala IMAT melibatkan jualan dalam kalangan usahawan industri asas tani.

Sementara itu, kluster Empayar Makanan dan Jualan Food Truck melibatkan penyertaan jualan oleh pengusaha makanan mengikut cita rasa terkini mahu pun tradisional.

Selain itu, kluster Florikultur melibatkan jualan pelbagai variasi bunga dan anak pokok, sekali gus menggalakkan orang ramai bercucuk tanam dan menghasilkan sumber makanan sendiri.

Tahun ini FAMA Fest telah dianjurkan di beberapa negeri iaitu di Negeri Sembilan, Perak dan Sarawak.

Malah, penganjurannya akan diperluaskan di Berjaya Mega Mall, Kuantan, Pahang pada 19 hingga 22 Julai ini, diikuti di RTC Kelantan, Kota Bharu (24 hingga 27 Julai), My Town Cheras, Kuala Lumpur (25 hingga 27 Julai) dan di pusat beli-belah ITCC, Penampang, Sabah pada 30 Ogos hingga 1 September ini.

"FAMA mengunjurkan nilai jualan RM7.3 juta, melibatkan penyertaan 580

usahawan dengan kehadiran 500,000 pengunjung," jelas FAMA.

FAMA Fest 2024 @ Selangor

Terdekat ini, orang ramai berpeluang mendapatkan pelbagai produk makanan dengan harga menarik sempena penganjuran FAMA Fest 2024 @ Selangor yang akan berlangsung di Tapak Parkir Pusat Membeli-belah AEON Bukit Tinggi, Klang pada 27 hingga 30 Jun ini.

Berlangsung selama empat hari bermula jam 10 pagi hingga 10 malam, FAMA Fest 2024 @ Selangor menampilkan penglibatan 142 usahawan dengan sasaran 50,000 pengunjung dengan nilai jualan sebanyak RM750,000.

Dimeriahkan dengan tujuh kluster program, FAMA Fest 2024 @ Selangor yang akan dirasmikan oleh Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu pada 29 Jun ini meletakkan empat sasaran penganjurannya iaitu meningkatkan pendapatan usahawan, mempercepatkan pemulihan ekonomi negara, meningkatkan pemahaman serta kesedaran pengguna terhadap produk tempatan dan meningkatkan hubungan di antara komuniti tempatan.

Malah, FAMA Fest 2024 @ Selangor turut menampilkan pelbagai pengisian program menarik antaranya padanan perniagaan (*business matching*), kursus teknologi tanaman rock melon dan perkongsian bersama agropreneur muda dan banyak lagi.

Pada 2023, FAMA Fest telah diadakan di tujuh negeri iaitu Perak, Kelantan, Terengganu, Pulau Pinang, Johor, Sabah dan Sarawak melibatkan 532 usahawan, 283,000 pengunjung dan nilai jualan sebanyak RM4.3 juta.

Sejak tahun 2017 hingga 2023, penganjuran FAMA Fest mencatatkan kehadiran 2.19 juta pengunjung dan penyertaan 2,180 usahawan dengan nilai jualan RM24.149 juta.

INFO PROGRAM FAMA FEST 2024 @ SELANGOR

Business Matching (Pengeluar / petani / usahawan berpotensi)
Tarikh: 27 Jun 2024 (Khamis)
Masa: 10 pagi - 5 petang
Ejen: United Kingdom, Hong Kong dan Kemboja
Komoditi: Industri Makanan & Asas Tani (IMAT) Produk Segar
Potensi Jualan: RM3 juta keseluruhan

Kursus teknologi tanaman dan pengendalian komoditi rock melon
Tarikh: 27 Jun 2024 (Khamis)
Masa: 11 pagi - 1 petang
• Sasaran Jumlah Peserta: 100 orang
• Tenaga pengajar merupakan pakar daripada Jabatan Pertanian

Santai Agropreneur Muda 'Tik Tok For Business' oleh Wan Fatim Suhna Wan Ahmad
Tarikh: 28 Jun 2024 (Jumaat)
Masa: 10 pagi - 12 tengah hari
• Sasaran Jumlah Peserta: 100 orang

Pertandingan Memasak Signature Negeri Selangor 'Nasi Ambeng'
Tarikh: 30 Jun 2024 (Ahad)
Masa: 3 petang - 5 petang
• Sasaran Jumlah Peserta: 10 orang
• Tempat pertama akan membawa pulang RM500 dan akan ditawarkan satu slot Empayar Makanan sempena MAHA 2024

FAMA Fest 2024 @ Selangor Fun Run 5 Kilometer
Tarikh: 30 Jun 2024 (Ahad)
Masa: 6.30 pagi - 11 pagi
• Sasaran Jumlah Peserta: 500 orang

Program-program menarik lain
Pertandingan gubahan buah-buahan
• Kongsi Rezeki 'Kenyang Perut Suka Hati'
• Pertandingan mewarna kategori kanak-kanak
• Permainan tradisional, kuiz dan puzzle
• Pertandingan kupas buah nangka
• Demo masakan menu berasaskan buah-buahan tempatan bersama Chef Naem
• Pertandingan karaoke dan persembahan nyanyian oleh artis tempatan

Lonjak industri nanas negara

Siri jelajah perkenal Hari Nanas Malaysia 2025 sasar erat hubungan masyarakat dengan LPNM

Oleh Izz Lailly Hussein
am@hmetro.com.my

Pontian

Menjelang sambutan Hari Nanas Malaysia 2025, Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) meneruskan siri jelajah ke negeri ini bagi tujuan memperkenalkan sambutan Hari Nanas Malaysia yang julung kali akan diadakan itu.

Pengerusi Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), Sheikh Umar Bagharib Ali berkata, dengan siri jelajah ini diharap dapat mewujudkan kerjasama antara LPNM dengan masyarakat dan memperkukuhkan kepelbagaian produk berasaskan nanas.

"Malaysia tidak pernah menyumbat Hari Nanas di peringkat nasional. Oleh itu, LPNM merancang untuk mengadakan sambutan Hari Nanas Malaysia sebagai sambutan dwirahman yang disambut setiap 27 Jun bersamaan sambutan Hari Nanas Sedunia.

"Tahun 2025 menjadi tahun pertama sambutan Hari Nanas Malaysia dengan semangat serta komitmen ditunjukkan, diharapkan industri nanas di negara ini berkembang maju dan memberi manfaat besar kepada negara.

"Tahun ini dianggap *warming up* untuk memperkenalkan Hari Nanas Malaysia dengan pelbagai publisiti dan kempen akan dilaksanakan menerusi siri jelajah seluruh negara, katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyempurnakan Siri Je-



ANTARA jemputan hadir ke Siri Jelajah Majlis Perasmian Hari Nanas Malaysia di Taman Agroteknologi Nanas, Alor Bukit, Pontian, siliti IAT Nanas (RM250,000).



SHEIKH Umar (kanan) ketika Siri Jelajah Majlis Perasmian Hari Nanas Malaysia.

"Tahun ini dianggap *warming up* untuk memperkenalkan Hari Nanas Malaysia dengan pelbagai publisiti dan kempen akan dilaksanakan menerusi siri jelajah seluruh negara"

Pengerusi LPNM, Sheikh Umar Bagharib Ali

Mengulas mengenai sambutan Hari Nanas Malaysia 2025, Sheikh Umar Bagharib berkata, tujuan utama sambutan itu bukan sahaja untuk mengenang kejayaan dicapai dalam industri nanas, tetapi untuk memperkukuhkan hubungan antara semua pihak dalam industri nanas.

"Industri nanas beri sumbangan besar kepada ekonomi negara dengan menyediakan peluang pekerjaan dan meningkatkan taraf hidup komuniti luar bandar melalui inovasi dan teknologi.

"Nilai eksport industri nanas meningkat kepada RM5.7 bilion manakala pengeluaran produk nanas per kapita negara mencapai 12.2 kilogram setahun, menunjukkan kadar sara diri (SSR) melebihi 102 peratus.

"Ini satu data dan angka baik di LPNM yang menunjukkan sambutan masyarakat kepada industri nanas sangat baik dan positif, jadi selain kita meralai dan mengangkat pencapaian ini, kita meraikan peranan industri dalam negara baik daripada yang kecil hingga pemain industri besar," jelasnya.

'King of Fruits' reigns supreme

Online searches for durian spike as thorny delight is in season again

By YUEN MEIKENG
meikeng@thestar.com.my

PETALING JAYA: 'Tis the season for durian again and Malaysians are going crazy for it, as proven by the number of online searches for the thorny fruit.

According to data on Google, searches for the word "durian" have been climbing rapidly in Malaysia since last month.

The interest level in the term "durian" (ranked from a scale of zero to 100) was at 16 on May 12.

But it shot up to 62 on June 23 and continues to rise.

Malaysian Fruit Farmers Association president Datuk Lawrence Ting Siew Haw said the spike in online searches for durian coincided with the durian season in Malaysia, which runs from June to August.

"This pattern reflects the high consumer interest and demand for durian in such times.

"People seek to purchase and enjoy the fruit when it is most abundant and fresh," he said.

On Wednesday, industry players reassured the public that increased exports to China will not lead to price hikes for kampung durian.

Malaysia's durian production is also self-sufficient to meet local demand.

However, farmers say the King of Fruits faces some hurdles due to uncertain weather, which could affect the price, production and

quality of some durian varieties. "The price depends on the durian variety, and of course, kampung durian is always quite cheap in the market.

"But the uncertain weather is the biggest challenge for us because it affects production.

"To address the situation, we have improved our planting process by using our skills and fertiliser," said Ting.

As a result, durian supply will increase in the market in the next few months compared to the current yield, he added.

Ting said the hot and erratic weather has had an impact on durian yield this year.

"Soaring temperatures and irregular rainfall have stressed the trees, leading to reduced flowering and fruiting," he said.

Ting said some areas might still produce a reasonable amount of fruit, but the overall production is expected to be lower.

The high temperatures earlier this year also caused the "burnt tip" phenomenon, where the durian flesh turns dark brown due to uneven fruit ripening.

"There have been numerous reports of 'burnt tip' durian this year caused by the prolonged hot weather," said Ting.

The heat stress affects the fruit's development, leading to the characteristic browning of the flesh.

Nevertheless, such cases are expected to stabilise, as farmers stepped in to manage the situa-

Which country searched for "Durian" the most?

> Here are the top 10 countries that most frequently searched for "durian" on Google out of the total searches in each location.

> Based on a scale from one to 100, a higher number means a stronger interest in the search term.

> The results are according to data from June 9, 2019 to June 9, 2024.

Location	Interest level
Singapore	100
MALAYSIA	95
Brunei	62
Indonesia	59
Cambodia	10
Philippines	9
Hong Kong	5
Sri Lanka	4
Australia	4
Thailand	3

Source: Google



The Stargraphics

tion, said Dr Tan Sue Yee, the CEO of Top Fruits Sdn Bhd, a company that exports and farms durian.

He said this season's farm price for durian remains higher than last year due to the lower fruit production so far.

"Global warming has affected not only Malaysia but other Asean countries that plant durian."

The love for durian remains strong and is also evident in other countries, based on Google searches.

Singapore, for example, surpassed even Malaysia as the country with the highest frequency of searches for the word "durian" in

the past five years.

Dr Tan said such demand will grow not only in South-East Asian countries but in Western countries too.

"Our biggest market is still China, followed by Singapore and Hong Kong.

"However, there has been a significant increase in demand from countries like the United States and Canada.

"So, while Asians love durian, Westerners are starting to accept and appreciate the fruit," he said.

It was previously reported that the pineapple had surpassed all

other fruits in Malaysia in terms of production volume.

A total of 553,348 tonnes of pineapple were harvested last year, followed by 471,672 tonnes of durian, based on estimated data from the Agriculture Department for 2023.

Nevertheless, the King of Fruits still rules when it comes to generating revenue among the fruits produced in Malaysia.

The total net income from durian came up to RM16.25mil, according to 2022 data from the department.

The second biggest income-earner were juicy mangosteens, which garnered a net income of RM1.47mil.

For durian, the profits were from varieties like Musang King, Premium Kampung and other premium types.

Looking ahead, the demand for durian is expected to increase, with school and summer holidays kicking off in July and August for countries like China.

"We are expecting a huge number of tourists during this period, especially with the visa-free travel, from China and India," Dr Tan said.

Currently, tourists from China and India are granted visa-free entry to Malaysia for up to 30 days until Dec 31 this year.

Following a recent agreement with China, Malaysia will extend the visa exemption for Chinese citizens until the end of 2026.

3,000 pesawah rugi mohon bantuan



Kota Bharu: Lebih 3,000 pesawah di Kelantan yang mengalami kerugian akibat musim kemarau sehingga ratusan ribu ringgit, merayu kerajaan menyalurkan bantuan kepada mereka yang kini kehilangan sumber pendapatan.

Ini kerana ada di kalangan mereka terpaksa menjual barang kemas isteri, ternakan peliharaan disebabkan tiga musim berturut-turut mengalami kerugian.

Malah, mereka juga mungkin berdepan surat tindakan mahkamah disebabkan gagal membayar pinjaman bank.

Pesawah, Rasul Zulkifli, 26, berkata sehingga kini masalah air di Kelantan tidak selesai menyebabkan

rajaan Pusat atau kerajaan negeri.

"Dalam tempoh itu juga saya terpaksa menjual harta benda memandangkan tiada punca pendapatan. Barang kemas isteri pun terpaksa jual selain bebrapa ekor lembu.

"Ikutkan untuk menjadi pesawah dan terus menanam padi, ada rasa trauma, namun hanya itu kepakaran yang saya ada," katanya.

Mengulas lanjut katanya, sepanjang tiga musim juga dia tidak dapat membayar hutang dengan Agrobank kerana tiada duit.

"Selalunya jika tiga musim kita tidak bayar, akan sampai surat mahkamah dan saya akan cuba membuat rayuan dengan pihak

bank.

"Saya juga berharap Kerajaan Pusat dan negeri tampil menyalurkan bantuan segera kepada pesawah yang terkesan akibat musim kemarau," katanya.

Pesawah, Ismail Harun, 49, yang turut mengalami kerugian selepas empat hektar sawah yang diusahakan rosak turut mengharapkan bantuan daripada kerajaan.

"Rasa trauma mahu menusahakan padi disebabkan kerugian berterusan. Saya mengusahakan sawah bersama bapa, Harun Abdullah, 75.

"Jika ada bantuan, ia sedikit sebanyak dapat mengurangkan bebanan yang ditanggung pesawah," katanya.


Untuk tiga musim saya rugi lebih RM60,000. Malah, sepanjang tempoh kerugian juga kami tidak menerima bantuan daripada Kerajaan Pusat atau kerajaan negeri"

Rasul Zulkifli

mereka tidak dapat menanam padi.

"Untuk tiga musim saya kerugian lebih RM60,000 membabitkan keluasan sawah tujuh hektar. Malah, sepanjang tempoh kerugian juga kami tidak menerima bantuan daripada Ke-

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/6/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	1



Usahawan muda

MUHAMMAD Fariduddin Anuar, 25, memproses sabut kelapa untuk dijadikan kokopit bagi kegunaan pertanian di Kampung Pandu Wakaf Chagak, Kuala Nerus, Terengganu semalam. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY

28/6/2024

UTUSAN
MALAYSIAGAYA
TANI

26

Pertanian bandar isi masa lapang

Oleh INTAN SUHANA
CHE OMAR
intansuhana@medianusa.com.my

PROGRAM kebun komuniti semakin popular dalam kalangan penduduk bandar yang mahu melibatkan diri dalam dunia penanaman.

Ia bukan sahaja membantu mengurangkan kos sara hidup melalui penanaman sendiri sayuran keperluan, malah turut membantu penduduk yang kebanyakannya bekerja di sektor korporat untuk kekal cergas melalui aktiviti bertani.

Program Kebuniti Madani dijalankan di Program Perumahan Rakyat (PPR) Desa Rejang di Setapak Jaya misalnya, mengusahakan kebun komuniti seluas 180 meter persegi di bahagian belakang kawasan perumahan berkenaan.

Tapak terbiar yang dahulunya merupakan parkir motosikal dibersihkan dengan bantuan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk dijadikan tapak kebun.

Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) PPR Desa Rejang, M. Noor M. Tahir berkata, kebun diusahakan sejak awal tahun lalu membolehkan penduduk memperoleh sayuran dan herba keperluan harian dapur dengan lebih mudah.

"Dahulu semua (sayur) beli sendiri, namun melalui program kebun komuniti, kita dapat menjimatkan kos perbelanjaan dapur kerana kebanyakan sayuran dan herba ditanam adalah dalam kategori kegunaan harian seperti serai,



M. NOOR M. TAHIR



MOHD. ISKANDAR JALAWAN

daun kunyit, daun bawang dan pelbagai lagi," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Merealisasikan Kebuniti Madani, kerajaan memperuntukkan RM30 juta melaksanakan program berkenaan mulai 2022 hingga 2025.

Jabatan Pertanian diperuntukkan sebanyak RM16,136,200 untuk melaksanakan Program Kebuniti Madani di seluruh negara.

M. Noor yang juga Ketua Unit Kebajikan Desa Rejang, berkata selain menjimatkan perbelanjaan, aktiviti berkebun juga dapat mengeratkan silaturrahim antara penduduk.

Memiliki sekitar 16,000 penduduk di PPR itu menjadikan perpaduan merupakan antara elemen utama diterapkan dalam kalangan penduduk.



KEBUN Komuniti inisiatif kerajaan untuk menjadikan aktiviti pertanian sebagai gerakan negara ke arah keterjaminan makanan.

"Walaupun tidak semua menyertai kebun komuniti ini, tapi setidaknya bagi yang menyertainya, mereka ada aktiviti harian untuk dilakukan terutamanya bagi golongan sudah berpenecen.

"Jika sebelum ini kebanyakan orang penceb banyak menghabiskan masa minum di kedai sahaja, tetapi kini ramai yang bergilir-gilir turun ke kebun untuk mengusahakan tanaman. Setidak-tidaknya mereka dapat mengeluarkan peluh dan kekal sihat," jelasnya.

APLIKASI TEKNOLOGI TANAMAN

Timbalan Pengarah Bahagian Pertanian Bandar Jabatan Pertanian Malaysia, Mohd. Iskandar Jalawan berkata program itu merupakan inisiatif kerajaan untuk menjadikan aktiviti pertanian komuniti sebagai gerakan negara ke arah keterjaminan makanan.

Ia juga bertujuan

Ada 33 lokasi Kebuniti Madani di Kuala Lumpur melibatkan 11 Parlimen."

mengurangkan kos sara hidup dengan menghasilkan tanaman makanan untuk kegunaan sendiri selain menjana pendapatan komuniti melalui jualan hasil tanaman.

"Jabatan Pertanian turut menyediakan bantuan daripada segi kursus dan tunjuk ajar daripada pegawai mengenai pertanian bandar.

"Kami juga menyediakan teknologi pertanian, misalnya pertanian bandar seperti kepok tanaman yang menggunakan campuran tanah yang lebih subur kerana kebanyakan tanah di kawasan bandar adalah tanah tambak," katanya.

Turut disediakan adalah tangki tadahan hujan bagi menyelesaikan isu air di kawasan kebun berkenaan selain menyediakan tong kompos bagi memudahkan penduduk melupuskan sisa makanan dengan kaedah lebih mesra alam.

Malah, kompos berkenaan dapat digunakan untuk tumbesaran tanaman secara lebih sihat.

"Tanaman di sini adalah organik kerana kita tidak menggunakan racun perosak sebaliknya kita ajar penduduk untuk guna *bio-repellent* seperti guna cuka kayu, bawang putih dan sebagainya.

"Jadi, tanaman boleh dikategorikan sebagai organik dan lebih selamat untuk dimakan oleh penduduk," katanya.

Ada 33 lokasi Kebuniti Madani di Kuala Lumpur melibatkan 11 Parlimen dengan kesemuanya mengemukakan permohonan kepada Jabatan Pertanian terlebih dahulu sebelum penilaian dilakukan untuk kesesuaian tapak kebun.

ILMU BERTANI

Penyelia kebun yang juga penduduk PPR, Ab. Hamid, Ab. Ghani berkata, penduduk boleh mempelajari ilmu pertanian yang disalurkan daripada Jabatan Pertanian dalam menguruskan tanaman.

"Kami banyak belajar ilmu pertanian baharu dan mencuba menanam pelbagai tanaman untuk kegunaan harian.

"Dengan keluasan yang terhad, kebun ini tidak mampu untuk menampung keperluan semua penduduk. Hasil kebun akan dibahagikan kepada penduduk yang mengusahakan dan jika ada lebih akan dijual dengan harga yang rendah kepada penduduk yang lain," jelasnya yang sudah 20 tahun menetap di situ.

